

# Rombakan mungkin

BH 13 JAN 2001

Oleh Kadir Dikoh, Zulkofli Jamaludin, Jamhariah Jaafar dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan rombakan Kabinet yang bakal dilakukannya, kemungkinan turut membabitkan jawatan Menteri Besar.

Bagaimanapun, Perdana Menteri enggan mengulas apabila ditanya sama ada jawatan Menteri Besar di negeri tertentu akan turut dirombak serentak dengan penyusunan semula bari-

san Jemaah Menteri Kabinet Persekutuan.

Sebaliknya, beliau menjawab: "Rombaklah semua sekali," dan kemudian secara berseloroh berkata yang beliau juga mahu 'input' seperti apa yang dikehendaki oleh pihak media massa.

Beliau berkata, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengeruskannya hari ini tidak membincangkan cada-

ngan untuk merombak Kabinet itu.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat hampir tiga jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Presiden Umno itu juga berkata bahawa beliau tidak memaklumkan soal rombakan Kabinet pada mesyuarat berkenaan.

"Hari ini, tak ada kena mengena dengan rombakan Kabinet. Anda (war-

tawan) baca dalam akhbar, (kemudian) anda bagi tahu," katanya yang terus menimbulkan teka teki bila rombakan Kabinet itu akan diumumkan.

"Bila saya rombak, saya akan umumkan," katanya. Ramai wartawan termasuk wakil media asing menghadiri sidang akhbar itu dengan jangkaan bahawa Dr Mahathir kemungkinan akan membuat pengumuman berkenaan.

## babitkan MB

Beliau tidak memberi sebarang petunjuk, walaupun sebelum ini beliau pernah membuat pengumuman rombakan Kabinet selepas mesyuarat MT apabila melantik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Spekulasi terbaru ialah membabitkan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang dikatakan dipanggil oleh Dr

Mahathir di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Sumber menyebut kemungkinan Syed Razak digugurkan setelah Barisan Nasional (BN) tewas dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Lunas.

Pengumuman mengenai rombakan Kabinet itu dinanti-nantikan setelah Dr Mahathir sendiri mengesahkan akan berbuat demikian sekembalinya da-

ripada lawatan ke Myanmar Selasa lalu.

Spekulasi mengenai rombakan Kabinet itu mula tersebar pertengahan Disember lalu. Tetapi peletakan jawatan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jumaat lalu menghangatkan lagi spekulasi, walaupun Dr Mahathir pernah menafikannya sebelum ini.